



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**B//23**  
**BANCI EKONOMI**  
*ECONOMIC CENSUS*  
**2023**



**KESELURUHAN SEKTOR**  
*ALL SECTORS*

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**BANCI EKONOMI  
ECONOMIC CENSUS  
2023**

**KESELURUHAN SEKTOR  
ALL SECTORS**

**Pemakluman**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Announcement**

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.*

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

***Department of Statistics, Malaysia***

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

**MALAYSIA**

Tel : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook/ X / Instagram : StatsMalaysia

E-mel / *Email* : [info@dosm.gov.my](mailto:info@dosm.gov.my) (pertanyaan umum / *general enquiries*)  
[data@dosm.gov.my](mailto:data@dosm.gov.my) (pertanyaan & permintaan data /  
*data request & enquiries*)

Harga /*Price* : RM65.00

Diterbitkan pada 29 Julai 2024 / *Published on 29 July 2024*

**Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.***

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

*No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:*

“Source: Department of Statistics, Malaysia.”

**ISBN 978-967-253-718-2**

# KATA PENGANTAR

Penerbitan Banci Ekonomi 2023 Keseluruhan Sektor ini memaparkan statistik utama keseluruhan sektor ekonomi bagi tahun rujukan 2022. Ia merangkumi aktiviti ekonomi dalam sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Statistik ini diperoleh daripada Banci Ekonomi 2023 yang meliputi semua pertubuhan yang dikelaskan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008*. Banci terdahulu dijalankan adalah pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015.

Statistik utama yang berkaitan dengan bilangan pertubuhan, nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah, nilai harta tetap dan pertubuhan milikan wanita mengikut sektor dan subsektor dilaporkan dalam penerbitan ini. Data tersebut boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama memaparkan sorotan utama keseluruhan sektor ekonomi, diikuti bahagian kedua, mengandungi ringkasan penemuan bagi keseluruhan sektor ekonomi. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi jadual statistik terperinci, manakala bahagian berikutnya merangkumi aspek tenikal, termasuk skop dan liputan, konsep dan definisi serta penjelasan berkaitan pemboleh ubah utama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak yang telah membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

**Julai 2024**

*The Economic Census 2023 All Sectors publication presents the principal statistics for all economic sectors for the reference year 2022. It covers economic activities in the Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services sectors. These statistics were obtained from the Economic Census 2023, which includes all establishments classified under the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0, following the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The previous census was conducted in 2016, for the reference year of 2015.*

*Principal statistics related to the number of establishments, value of gross output, value of intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages, value of fixed assets and women-owned establishments by sector and sub-sector are reported in this publication. The data can be used by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals for planning and policy formulations, economic analysis, projections and business development planning.*

*The publication is divided into four parts. The first part displays the main highlights of statistics for the overall economic sectors, followed by the second part, which contains a summary of findings for the overall economic sector. Meanwhile, the third part provides detailed statistical tables, while the following section covers technical aspects, including scope and coverage, concepts and definitions and explanations of key variables.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required data and contributed to the success of this publication. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.*

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

*Chief Statistician Malaysia*

**July 2024**

# KANDUNGAN / CONTENTS

	Muka Surat Page
<b>Kata pengantar</b> <i>Preface</i>	i
<b>Kandungan</b> <i>Contents</i>	iii
<b>Bahagian 1 : Sorotan Utama</b> <i>Part 1 : Main Highlights</i>	1
<b>Bahagian 2 : Ringkasan Penemuan</b> <i>Part 2 : Summary of Findings</i>	7
<b>Bahagian 3 :</b> <i>Part 3 :</i>	<b>Jadual Statistik</b> <i>Statistical Tables</i>
<b>Jadual 1 : Statistik Utama mengikut Sektor, 2010, 2015 dan 2022</b> <i>Table 1 : Principal Statistics by Sector, 2010, 2015 and 2022</i>	47
<b>Jadual 2 : Statistik Utama Sektor Pertanian mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022</b> <i>Table 2 : Principal Statistics of Agriculture Sector by Sub-sector, 2010, 2015 and 2022</i>	48
<b>Jadual 3 : Statistik Utama Sektor Perlombongan &amp; Pengkuarian mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022</b> <i>Table 3 : Principal Statistics of Mining &amp; Quarrying Sector by Sub-sector, 2010, 2015 and 2022</i>	49
<b>Jadual 4 : Statistik Utama Sektor Pembuatan mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022</b> <i>Table 4 : Principal Statistics of Manufacturing Sector by Sub-sector, 2010, 2015 and 2022</i>	50
<b>Jadual 5 : Statistik Utama Sektor Pembinaan mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022</b> <i>Table 5 : Principal Statistics of Construction Sector by Sub-sector, 2010, 2015 and 2022</i>	51
<b>Jadual 6 : Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022</b> <i>Table 6 : Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector, 2010, 2015 and 2022</i>	52
<b>Jadual 7 : Statistik Utama Pertubuhan Milikan Wanita mengikut Sektor, 2010, 2015 dan 2022</b> <i>Table 7 : Principal Statistics of Women-Owned Establishments Sector by Sub-sector, 2010, 2015 and 2022</i>	54

# KANDUNGAN / CONTENTS

	<b>Muka Surat</b> <i>Page</i>
<b>Jadual 8 : Statistik Utama mengikut Negeri, 2015 dan 2022</b> <i>Table 8 : Principal Statistics by State, 2015 and 2022</i>	<b>55</b>
<b>Jadual 9 : Statistik Utama bagi Sektor Pertanian mengikut Negeri, 2015 dan 2022</b> <i>Table 9 : Principal Statistics for Agriculture Sector by State, 2015 and 2022</i>	<b>57</b>
<b>Jadual 10 : Statistik Utama bagi Sektor Perlombongan &amp; Pengkuarian mengikut Negeri, 2015 dan 2022</b> <i>Table 10 : Principal Statistics for Mining &amp; Quarrying Sector by State, 2015 and 2022</i>	<b>59</b>
<b>Jadual 11 : Statistik Utama bagi Sektor Pembuatan mengikut Negeri, 2015 dan 2022</b> <i>Table 11 : Principal Statistics for Manufacturing Sector by State, 2015 and 2022</i>	<b>61</b>
<b>Jadual 12 : Statistik Utama bagi Sektor Pembinaan mengikut Negeri, 2015 dan 2022</b> <i>Table 12 : Principal Statistics for Construction Sector by State, 2015 and 2022</i>	<b>63</b>
<b>Jadual 13 : Statistik Utama bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Negeri, 2015 dan 2022</b> <i>Table 13 : Principal Statistics for Services Sector by State, 2015 and 2022</i>	<b>65</b>
<b>Bahagian 4 : Nota Teknikal</b> <i>Part 4 : Technical Notes</i>	<b>67</b>

# **SOROTAN UTAMA**

## *MAIN HIGHLIGHTS*





**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.**  
*This page is deliberately left blank.*



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



@StatsMalaysia



# STATISTIK UTAMA KESELURUHAN SEKTOR



## Bilangan Pertubuhan

2022: 1,091,867 pertubuhan  
2015: 920,630 pertubuhan ▲ 2.5%



## Bilangan Pekerja

2022: 10,004,306 orang  
2015: 8,857,539 orang ▲ 1.8%




## Nilai Output Kasar

2022: RM3,851.8 bilion  
2015: RM2,493.9 bilion ▲ 6.4%



## Gaji & Upah

2022: RM354.9 bilion  
2015: RM245.8 bilion ▲ 5.4%



## Nilai Input Perantaraan

2022: RM2,349.2 bilion  
2015: RM1,507.6 bilion ▲ 6.5%



## Nilai Harta Tetap

2022: RM2,059.2 bilion  
2015: RM1,599.1 bilion ▲ 3.7%



## Nilai Ditambah

2022: RM1,502.6 bilion  
2015: RM986.3 bilion ▲ 6.2%



## Bilangan Pertubuhan Milikan Wanita

2022: 219,015 pertubuhan  
2015: 187,265 pertubuhan ▲ 2.3%

▲ Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR)

## NILAI DITAMBAH

### MENGIKUT SEKTOR

#### Pertanian

5.2% | ▲ 8.3%



#### Pembuatan

27.6% | ▲ 7.1%



#### Perkhidmatan

51.9% | ▲ 6.0%



#### Perlombongan & pengkuarian

11.0% | ▲ 7.0%



#### Pembinaan

4.4% | ▲ 0.6%



Nota: Sumbangan | ▲ CAGR 2022/2015

### TIGA NEGERI TERTINGGI

#### Selangor



27.8%  
25.0%

#### W.P. Kuala Lumpur



19.9%  
23.0%

#### Sarawak



11.0%  
10.3%

Nota: Sumbangan 2022  
2015



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
STATISTIK NADI KEHIDUPAN



**BANCI 2024**  
**PERTANIAN**  
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



**MALAYSIA**  
**MADANI**



# SOROTAN UTAMA

**Bilangan Pertubuhan**  
(2022: 1,091,867 pertubuhan)



**87.2 peratus** pertubuhan beroperasi di Malaysia adalah dalam sektor **Perkhidmatan**.

Subsektor **Perdagangan borong dan runcit** mewakili **50.0 peratus** daripada jumlah pertubuhan di sektor Perkhidmatan.

**Nilai Ditambah**  
(2022: RM1,502.6 bilion)



Sektor **Perkhidmatan** mencatatkan sumbangan nilai ditambah tertinggi dengan **51.9 peratus** atau **RM779.4 bilion**, dan pertumbuhan tahunan **6.0 peratus** dari 2015.

**Nilai Output Kasar**  
(2022: RM3,851.8 bilion)



Sektor **Pembuatan** menghasilkan nilai output kasar tertinggi iaitu **RM1.89 trilion**.

**30.6 peratus** daripada output kasar sektor Pembuatan disumbangkan oleh subsektor **Produk petroleum, kimia, getah & plastik**.

**Nilai Output Kasar mengikut Negeri**  
(2022: RM3,851.8 bilion)



**RM1,069.6**  
**bilion**



**RM557.3**  
**bilion**



**RM452.7**  
**bilion**

**Selangor** mencatatkan nilai output kasar tertinggi, diikuti oleh **W.P. Kuala Lumpur** dan **Johor**.

**Bilangan Pekerja**  
(2022: 10,004,306)



**2,665,725**



**1,612,225**



**1,264,942**

**Selangor** mempunyai jumlah bilangan pekerja tertinggi, diikuti oleh **W.P. Kuala Lumpur** dan **Johor**.

**Purata Gaji & Upah Tahunan**  
(2022: RM39,986)



Sektor **Perlombongan & pengkuarian** mencatatkan purata gaji & upah tahunan tertinggi dengan **RM113,061**.

Subsektor **Petroleum dan gas asli** merekodkan purata gaji & upah tahunan tertinggi pada 2022 iaitu **RM205,282**.



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA  
STATISTIK NADI KEHIDUPAN



@StatsMalaysia



MALAYSIA MADANI



# PRINCIPAL STATISTICS ALL SECTORS



## Number of Establishments

2022: 1,091,867 establishments  
2015: 920,630 establishments ▲ 2.5%



## Number of Persons Engaged

2022: 10,004,306 persons  
2015: 8,857,539 persons ▲ 1.8%




## Value of Gross Output

2022: RM3,851.8 billion  
2015: RM2,493.9 billion ▲ 6.4%



## Salaries & Wages

2022: RM354.9 billion  
2015: RM245.8 billion ▲ 5.4%



## Value of Intermediate Input

2022: RM2,349.2 billion  
2015: RM1,507.6 billion ▲ 6.5%



## Value of Fixed Assets

2022: RM2,059.2 billion  
2015: RM1,599.1 billion ▲ 3.7%



## Value Added

2022: RM1,502.6 billion  
2015: RM986.3 billion ▲ 6.2%




## Number of Women-Owned Establishments

2022: 219,015 establishments  
2015: 187,265 establishments ▲ 2.3%

▲ Compound Annual Growth Rate (CAGR)


## VALUE ADDED

### BY SECTOR



Note: Share | ▲ CAGR 2022/2015

### TOP THREE STATES



Note: Share  2022  
2015



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



# MAIN HIGHLIGHTS

**Number of Establishments**  
(2022: 1,091,867 establishments)



**87.2 per cent** establishments operating in Malaysia were in the **Services** sector.

**Wholesale and retail trade** sub-sector represented **50.0 per cent** of the establishments in the Services sector.

**Value Added**  
(2022: RM1,502.6 billion)



The **Services** sector posted the highest value added contribution with **51.9 per cent** or RM779.4 billion, and grew **6.0 per cent** annually from 2015.

**Value of Gross Output**  
(2022: RM3,851.8 billion)



**Manufacturing** sector produced the highest gross output value with **RM1.89 trillion**.

**30.6 per cent** of the Manufacturing sector's gross output was contributed by the **Petroleum, chemical, rubber & plastic product** sub-sector.

**Value of Gross Output by State**  
(2022: RM3,851.8 billion)



**RM1,069.6 billion**



**RM557.3 billion**



**RM452.7 billion**

**Selangor** registered the highest gross output value, followed by **W.P. Kuala Lumpur** and **Johor**.

**Number of Persons Engaged**  
(2022: 10,004,306)



**2,665,725**



**1,612,225**



**1,264,942**

**Selangor** has the highest total number of persons engaged, followed by **W.P. Kuala Lumpur** and **Johor**.

**Average Annual Salaries & Wages**  
(2022: RM39,986)



The **Mining & quarrying** sector posted the highest average annual salaries & wages with **RM113,061**.

The **Petroleum and natural gas** sub-sector recorded the highest average in 2022 with **RM205,282**.

# **RINGKASAN PENEMUAN**

*SUMMARY OF FINDINGS*



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.**  
*This page is deliberately left blank.*


# RINGKASAN PENEMUAN

## 1. PENGENALAN

Ekonomi dunia menghadapi pelbagai cabaran dan peluang pada tahun 2022. Meskipun serata dunia sedang mengalami pemulihan daripada COVID-19, kesannya tidak sekata di mana terdapat rantau yang mengalami pertumbuhan pesat manakala yang selainnya berhadapan dengan cabaran. Pemulihan ekonomi pasca-pandemik terbukti lebih mencabar daripada yang dijangkakan dengan ketidakpastian yang berterusan telah menjejaskan rantaian bekalan perdagangan. Akibatnya, ekonomi global mengambil masa yang lama untuk pulih, lantas meluaskan lagi jurang antara kumpulan yang paling terkesan iaitu kumpulan berpendapatan rendah serta pemilik perniagaan kecil dan sederhana.

Selain itu, dunia turut berdepan dengan kemelut pergolakan geopolitik, terutamanya pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada Februari 2022. Pergolakan ni menyebabkan krisis kemanusiaan yang semakin membimbangkan serta menjejaskan rantaian bekalan pelbagai komoditi penting, terutamanya yang telah memberi kesan kepada harga minyak mentah Brent. Harga minyak telah melonjak dari harga terendah pada USD9.12 per tong pada April 2020 hingga harga tertinggi pada USD133.18 per tong pada Mac 2022 (**Carta 1**). Oleh itu, kos pengeluaran telah meningkat merentasi pelbagai sektor ekonomi yang telah memberi kesan kepada kebanyakan negara, termasuk Malaysia.

**Carta 1: Harga Minyak Mentah Brent Harian (USD per tong), 2013 - 2022**




Sumber: U.S. Energy Information Administration

Ketegangan geopolitik lain telah menekan keadaan ekonomi pada tahun 2022. Konflik perdagangan antara United States dan China telah memberi tekanan yang ketara kepada pasaran kewangan. Keadaan ini telah mengakibatkan ketidakstabilan yang ketara dalam pasaran saham dan instrumen kewangan lain, seterusnya meningkatkan ketidakpastian di kalangan pelabur dan perniagaan, terutamanya di negara membangun.



Seperti negara-negara lain, Malaysia turut menghadapi cabaran ekonomi pada ketika itu. Dari segi pertumbuhan ekonomi, Malaysia mengalami peningkatan ekonomi yang ketara kepada 8.9 peratus pada 2022, berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya, meningkat daripada pertumbuhan negatif 5.5 peratus pada 2020 (**Carta 2**). Melalui perbandingan di antara keadaan ekonomi 2022 dengan kemelesetan ekonomi pada tahun 2009 yang disebabkan oleh krisis kewangan global, Malaysia menunjukkan pemulihan yang lebih pantas pada 2010, mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 7.4 peratus selepas pertumbuhan negatif sebanyak 1.5 peratus pada 2009 (**Carta 3**).

**Carta 2: Kadar Pertumbuhan Tahunan KDNK Malaysia 2016-2023 (2015=100)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Carta 3: Kadar Pertumbuhan Tahunan KDNK Malaysia 2006-2014 (2005=100)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Meninjau prestasi mata wang dalam tempoh dua dekad ini, jelas menunjukkan bahawa Ringgit Malaysia mengalami penyusutan yang ketara pada tahun 2022 berbanding tahun 2009. Keadaan ekonomi global merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penyusutan ini. Berbanding dasar tambatan yang dilaksanakan pada tahun 1999 akibat Krisis Ekonomi Asia, Ringgit mencatatkan RM3.80 pada tahun 1999 berbanding RM4.40 setiap US Dollar pada tahun 2022, menyusut 15.8 peratus seperti yang ditunjukkan dalam (**Carta 4**).

**Carta 4: Pergerakan USD/RM bagi tempoh 1999-2023**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## RINGKASAN PENEMUAN

Selaras dengan dasar monetari, Kerajaan telah menyelaraskan semula Kadar Dasar Semalaman (OPR) sepanjang tempoh pemulihan. OPR merupakan kadar faedah penting yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia yang mempengaruhi kadar faedah semalaman. Malaysia mengalami penurunan ketara dalam OPR kepada kadar terendah dalam sejarah, menyusut daripada 3.00 peratus sebelum pandemik kepada 1.75 peratus dalam tempoh lapan bulan (**Carta 5**). Langkah ini dilaksanakan untuk meredakan kesan ekonomi ke atas perniagaan dan isi rumah dengan tujuan meningkatkan kuasa membeli dan merangsang aktiviti ekonomi yang lebih baik. Pengurangan OPR secara signifikan menurunkan kos pinjaman bagi perniagaan dan isi rumah.

**Carta 5: Kadar Dasar Semalaman (OPR) 2019-2023**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain menyelaraskan semula dasar monetari, Kerajaan secara proaktif telah merumus dan melaksanakan langkah-langkah pemulihan. Usaha ini merangkumi penyediaan bantuan kewangan kepada kumpulan yang terjejas, melabur dalam infrastruktur dan meningkatkan kapasiti modal insan untuk mengurangkan pengangguran dan mengurangkan kesan ke atas pendapatan isi rumah.


Bagi mendapatkan pemahaman yang lebih baik terhadap struktur ekonomi bagi tahun 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan Banci Ekonomi 2023. Inisiatif ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam mengenai pertumbuhan ekonomi dan mengenal pasti sebarang ketidakseimbangan yang memerlukan perhatian serta memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keadaan ekonomi negara. Data yang dikumpul daripada banci ini berfungsi sebagai asas bagi Kerajaan, pelabur dan penyelidik untuk membuat keputusan yang lebih baik dan pembentukan strategi dan dasar yang berkesan untuk menggerakkan ekonomi negara ke hadapan.

Oleh itu, laporan ini membentangkan statistik keseluruhan sektor ekonomi berdasarkan penemuan Banci Ekonomi 2023. Ia merangkumi lima (5) sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan, yang meliputi 1,174 industri.

## 2. PRESTASI KESELURUHAN EKONOMI

Sepanjang lima dekad yang lalu, struktur ekonomi Malaysia telah berubah dengan pesat. Daripada berpaksikan sektor Pertanian yang penting untuk pembangunan luar bandar, ekonomi mula beralih ke asas perindustrian pada akhir 1980-an. Seperti yang digambarkan dalam **Carta 6** di bawah, menjelang tahun 1990, sumbangan nilai tambah sektor Pembuatan telah meningkat kepada 24.6 peratus (1985: 19.7%), mengatasi sumbangan sektor Pertanian, yang telah menurun kepada 16.3 peratus (1985: 20.8%). Pada tahun-tahun berikutnya, sektor Perkhidmatan berkembang pesat, muncul sebagai industri dominan dalam ekonomi Malaysia dan menyumbang 51.2 peratus pada 2010. Dalam dekad ini, struktur masyarakat yang kompleks telah memacu pertumbuhan sektor Perkhidmatan, yang menyumbang hampir 60.0 peratus pada 2022. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh perkembangan pesat ekonomi digital berikutan pandemik COVID-19, yang mempengaruhi landskap sektor Perkhidmatan global dan Malaysia.

**Carta 6: Evolusi Ekonomi Malaysia 1970 - 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Statistik utama sektor ekonomi Malaysia secara keseluruhan pada tahun 2022 menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Bilangan pertubuhan pada tahun 2022 merekodkan 1,091,867 pertubuhan berbanding 920,630 pertubuhan pada tahun 2015. Nilai output kasar mencatatkan RM3,851.8 bilion pada tahun 2022 berbanding RM2,493.9 bilion pada tahun 2015 (**Paparan 1**). Input perantaraan meningkat daripada RM1,507.6 bilion kepada RM2,349.2 bilion, atau pertumbuhan tahunan 6.5 peratus bagi tempoh 2015 ke 2022. Seterusnya, nilai ditambah mencatatkan nilai sebanyak RM1,502.6 bilion pada tahun 2022 berbanding RM986.3 bilion pada tahun 2015. Bilangan pekerja yang terlibat pada tahun 2022 ialah seramai 10,004,306 orang, lebih tinggi daripada 8,857,539 orang pada tahun 2015. Bilangan pekerja yang lebih tinggi mendorong kepada jumlah gaji & upah lebih tinggi pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM354.9 bilion berbanding RM245.8 bilion pada tahun 2015. Bilangan pertubuhan milikan wanita mencatatkan 219,015 pertubuhan pada tahun 2022 berbanding 187,265 pertubuhan pada tahun 2015.

# RINGKASAN PENEMUAN

## Paparan 1: Statistik Utama Keseluruhan Sektor Ekonomi, 2015 dan 2022




▲ CAGR 2022/2015

### 3. BILANGAN PERTUBUHAN

Bilangan pertubuhan yang beroperasi pada tahun 2022 ialah 1,091,867 pertubuhan berbanding 920,630 pertubuhan pada tahun 2015 dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 2.5 peratus. Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang tertinggi kepada bilangan pertubuhan dengan sumbangan 87.2 peratus. Dari segi pertumbuhan tahunan mengikut sektor, sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing meningkat 8.3 peratus dan 5.0 peratus. Ini diikuti dengan sektor Perkhidmatan (2.2%), Pertanian (1.6%) dan Pembuatan (1.5%) seperti yang digambarkan dalam **Paparan 2**.

## Paparan 2: Bilangan Pertubuhan mengikut Sektor, 2015 dan 2022




▲ CAGR 2022/2015

# RINGKASAN PENEMUAN

Banci Ekonomi 2023 menunjukkan pertumbuhan beberapa industri, didorong oleh peralihan pasca COVID-19 ke arah pendigitalan, perubahan dalam citarasa pengguna dan trend global. Selaras dengan pendigitalan, peningkatan ketara telah dikenal pasti dalam banci termasuk Perkhidmatan telekomunikasi tanpa wayar dan aktiviti Pembinaan bangunan bukan kediaman yang dirangsang oleh pertumbuhan dalam pusat data. Sementara itu dalam faktor perubahan citarasa pengguna, peningkatan dalam aktiviti Penanaman durian telah mencapai tahap baharu di Malaysia dan pasaran global. Aktiviti Perkhidmatan pengekstrakan minyak dan gas serta Pembuatan diod, transistor dan alatan semikonduktor menunjukkan pertumbuhan dalam bilangan pertubuhan, disokong oleh aliran global semasa.

Namun begitu, Banci Ekonomi 2023 mencatatkan penurunan dalam bilangan pertubuhan terutamanya dalam aktiviti Pembaikan dan penyelenggaraan aktiviti VCD/DVD/VCR, Jahitan pakaian tempahan, Perlombongan bauksit dan Penanaman tebu seperti ditunjukkan dalam **Paparan 3**.

**Paparan 3: Bilangan Pertubuhan mengikut Sektor, 2015 dan 2022**



↑ ↓ CAGR 2022/2015


# RINGKASAN PENEMUAN

## 4. NILAI OUTPUT KASAR

Jumlah nilai output kasar untuk tahun 2022 ialah RM3,851.8 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan 6.4 peratus sejak tahun 2015. Penyumbang utama adalah sektor Pembuatan yang menyumbang sebanyak 49.2 peratus atau RM1,893.7 bilion (2015: RM1,142.0 bilion). Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 37.0 peratus (RM1,426.6 bilion), Pembinaan 5.3 peratus (RM205.1 bilion), Perlombongan & pengkuarian 5.3 peratus (RM204.1 bilion) dan Pertanian 3.2 peratus (RM122.4 bilion) (**Paparan 4**).

Subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pembuatan dengan RM579.6 bilion (sumbangan: 30.6%). Bagi sektor Perkhidmatan pula, didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit dengan RM486.2 bilion (sumbangan: 34.1%). Sektor Pembinaan pula dipacu oleh subsektor Kejuruteraan awam, yang menyumbang sebanyak RM58.8 bilion (sumbangan: 28.7%). Dalam sektor Perlombongan & pengkuarian, subsektor Petroleum & gas asli merupakan penyumbang utama dengan 93.5 peratus. Di samping itu, sektor Pertanian dipacu oleh subsektor Tanaman dengan sumbangan 78.0 peratus.

Paparan 4: Nilai Output Kasar mengikut Sektor, 2015 dan 2022




▲ CAGR 2022/2015

## 5. NILAI INPUT PERANTARAAN

Nilai input perantara bagi keseluruhan sektor pada 2022 merekodkan RM2,349.2 bilion berbanding RM1,507.6 bilion pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.5 peratus seperti yang ditunjukkan pada **Paparan 5**. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama kepada nilai input perantara berjumlah RM1,478.8 bilion (sumbangan: 62.9%). Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan nilai RM647.2 bilion (sumbangan: 27.5%) dan Pembinaan RM139.3 bilion (sumbangan: 5.9%). Ketiga-tiga sektor ini menyumbang sebanyak 96.3 peratus kepada jumlah nilai input perantara.

**Paparan 5: Nilai Input Perantara mengikut Sektor, 2015 dan 2022**




## 6. NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah merentasi kesemua sektor ekonomi tumbuh 6.2 peratus secara tahunan, meningkat sebanyak RM516.3 bilion yang merekodkan sebanyak RM1,502.6 bilion pada 2022 (2015: RM986.3 bilion). Penyumbang utama adalah sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 51.9 peratus atau RM779.4 bilion yang meningkat 6.0 peratus setiap tahun. Manakala, sektor Pembuatan, Perlombongan & pengkuarian dan Pertanian masing-masing menyumbang RM414.9 bilion, RM165.0 bilion dan RM77.6 billion. Sektor Pembinaan menjana nilai ditambah berjumlah RM65.7 bilion pada 2022 (**Paparan 6**).


# RINGKASAN PENEMUAN

## Paparan 6: Nilai Ditambah mengikut Sektor, 2015 dan 2022



Berdasarkan perspektif subsektor dalam **Paparan 7**, subsektor Perdagangan borong & runcit dalam sektor Perkhidmatan mempunyai nilai ditambah tertinggi dengan RM299.7 bilion (sumbangan: 38.5%). Sementara itu, subsektor Produk petroleum, kimia, getah, & plastik merupakan penyumbang utama kepada sektor Pembuatan dengan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM137.6 bilion (sumbangan: 33.2%). Sektor Perombongan & pengkuarian diterajui oleh subsektor Petroleum & gas asli berjumlah RM159.3 bilion (sumbangan: 96.6%). Pada masa yang sama, dalam sektor Pembinaan dan Pertanian, subsektor Kejuruteraan awam dan Tanaman adalah penyumbang utama kepada sektor masing-masing dengan nilai ditambah sebanyak RM17.8 bilion dan RM69.3 bilion.

## Paparan 7: Nilai Ditambah mengikut Subsektor, 2015 dan 2022






## 7. BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH

Jumlah keseluruhan bilangan pekerja pada tahun 2022 adalah seramai 10,004,306 orang dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.8 peratus (2015: 8,857,539 orang). Sektor Perkhidmatan menerajui dengan 5,831,864 orang. Selaras dengan itu, gaji & upah dalam sektor ini mencatatkan nilai tertinggi berjumlah RM204.4 bilion. **Paparan 8** menunjukkan jumlah bilangan pekerja dan gaji & upah mengikut sektor.

Bagi jumlah gaji & upah pada 2022, ia mencatatkan nilai RM354.9 bilion, mencerminkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.4 peratus daripada RM245.8 bilion pada 2015. Sektor Perkhidmatan mencatatkan nilai gaji & upah tertinggi dengan RM204.4 bilion (6.5%) dan diikuti oleh sektor Pembuatan dengan RM97.2 bilion (5.8%).

Namun begitu, purata gaji & upah bulanan tertinggi ditunjukkan dalam sektor Perlombongan & pengkuarian dengan RM9,422, diikuti oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dengan nilai masing-masing RM3,513 dan RM3,494.


**Paparan 8: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Sektor, 2022**



# RINGKASAN PENEMUAN

Merujuk kepada sektor, subsektor Perdagangan borong & runcit menggajikan pekerja paling ramai dalam sektor Perkhidmatan dengan jumlah keseluruhan 2,171,513 orang (2015: 1,752,677 orang). Bagi sektor Pembuatan, subsektor Produk elektrik, elektronik dan optik mempunyai pekerja tertinggi dengan 630,197 orang (2015: 528,498 orang), manakala subsektor Kejuruteraan awam dalam sektor Pembinaan menggaji 354,342 orang (2015: 325,741 orang). Sementara itu, subsektor Perlombongan mineral dan pengkuarian mempunyai bilangan pekerja seramai 35,566 orang (2015: 40,656 orang) dan subsektor Tanaman dalam sektor Pertanian menggajikan 449,268 orang untuk tahun 2022 (**Paparan 9**).

**Paparan 9: Bilangan Pekerja mengikut Subsektor, 2022**



▲ ▼ CAGR 2022/2015

## 8. NILAI HARTA TETAP

Nilai harta tetap merentasi kesemua sektor ekonomi menunjukkan peningkatan sebanyak 3.7 peratus secara tahunan daripada RM1,599.1 bilion pada tahun 2015 kepada RM2,059.2 bilion pada tahun 2022. Penyumbang utama adalah sektor Perkhidmatan mencatatkan nilai harta tetap tertinggi berjumlah RM1,219.9 bilion pada tahun 2022 berbanding RM904.7 bilion pada tahun 2015. Seterusnya, sektor Pembuatan dengan nilai harta tetap sebanyak RM377.9 bilion, Perlombongan & pengkuarian mencatatkan RM354.3 bilion dan Pertanian dengan nilai RM79.4 bilion. Sementara itu, sektor Pembinaan merekodkan nilai harta tetap RM27.6 bilion seperti yang digambarkan dalam **Paparan 10**.

## Paparan 10: Nilai Harta Tetap mengikut Sektor, 2015 dan 2022



↑ ↓ CAGR 2022/2015


## 9. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Terdapat 219,015 pertubuhan milikan wanita merentasi semua sektor pada 2022, berbanding 187,265 pertubuhan pada 2015, mencerminkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.3 peratus (**Paparan 11**). Sektor Perkhidmatan mencatatkan bilangan pertubuhan milikan wanita tertinggi dengan 205,012 pertubuhan, diikuti oleh sektor Pembuatan (8,469 pertubuhan) dan sektor Pembinaan (3,869 pertubuhan).

Pertubuhan milikan wanita ini menjana output kasar bernilai RM136.9 bilion dan nilai ditambah RM61.4 bilion, yang masing-masing meningkat sebanyak 7.0 peratus dan 6.5 peratus setiap tahun. Selain itu, pertubuhan milikan wanita menggajikan 979,812 orang, meningkat 2.0 peratus secara tahunan. Bagi gaji & upah pula, ia mencatatkan RM20.5 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan 5.5 peratus.

# RINGKASAN PENEMUAN

## Paparan 11: Statistik Utama Pertubuhan Milikan Wanita, 2015 dan 2022




▲ CAGR 2022/2015

## 10. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

### 10.1 Bilangan Pertubuhan mengikut Negeri

Selangor mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi sebanyak 270,363 pertubuhan, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (136,305 pertubuhan) dan Johor (129,425 pertubuhan) seperti di **Paparan 12**. Ketiga-tiga negeri ini secara kumulatif menyumbang 49.2 peratus daripada jumlah bilangan pertubuhan di Malaysia.


## Paparan 12: Bilangan Pertubuhan mengikut Negeri, 2022



Nota: \* termasuk bilangan pertubuhan untuk Supra.

Dari segi sektoral, sektor Perkhidmatan didominasi oleh Selangor dengan 232,206 pertubuhan. Begitu juga, Pembuatan, Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian diterajui oleh Selangor dengan masing-masing 16,808 pertubuhan, 19,770 pertubuhan dan 391 pertubuhan. Bagi sektor Pertanian, Johor mempunyai bilangan pertubuhan tertinggi dengan 2,254 pertubuhan seperti di **Paparan 13**.

## Paparan 13: Tiga Negeri Teratas dengan Bilangan Pertubuhan Tertinggi mengikut Sektor, 2022




# RINGKASAN PENEMUAN

## 10.2 Nilai Output Kasar mengikut Negeri

Selangor merupakan penyumbang tertinggi output kasar dengan RM1,069.6 bilion atau sumbangan 27.8 peratus, didorong oleh sektor Pembuatan dengan 48.3 peratus dan diikuti oleh sektor Perkhidmatan (sumbangan: 44.6%).

Output kasar bagi W.P. Kuala Lumpur adalah RM557.3 bilion dan didominasi oleh sektor Perkhidmatan sebanyak 90.4 peratus. Pada masa yang sama, Johor mencatatkan RM452.7 bilion disumbangkan terutamanya oleh sektor Pembuatan dengan 69.9 peratus. Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Johor menyumbang 54.0 peratus kepada jumlah output kasar (**Paparan 14**).

**Paparan 14: Nilai Output Kasar Keseluruhan Sektor mengikut Negeri, 2022**




## 10.3 Nilai Input Perantaraan mengikut Negeri

Selangor menyumbang nilai input perantaraan tertinggi, mencatatkan RM652.1 bilion dengan sumbangan 27.8 peratus, manakala Johor mencatatkan RM323.3 bilion dan Pulau Pinang merekodkan RM289.6 bilion pada 2022. Secara keseluruhan, negeri-negeri ini menyumbang 53.9 peratus daripada jumlah input perantaraan (**Paparan 15**).

# RINGKASAN PENEMUAN

## Paparan 15 : Input Perantaraan mengikut Negeri, 2022




Sumbangan

### 10.4 Nilai Ditambah mengikut Negeri

Dari segi sumbangan negeri, Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Sarawak secara kolektif menyumbang RM881.8 bilion (58.7%) kepada keseluruhan nilai ditambah. Selangor mencatatkan jumlah tertinggi dengan RM417.5 bilion, manakala W.P. Kuala Lumpur dan Sarawak masing-masing menyumbang RM298.9 bilion dan RM165.4 bilion.

Melihat kepada perspektif negeri, Selangor diterajui oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 62.6 peratus dan diikuti oleh sektor Pembuatan (31.0%). Selain itu, W.P. Kuala Lumpur dipacu oleh sektor Perkhidmatan dengan 93.7 peratus (**Paparan 16**).

## Paparan 16: Nilai Ditambah Keseluruhan Sektor mengikut Negeri, 2022





































# RINGKASAN PENEMUAN

## 10.5 Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Negeri

Selangor juga merekodkan bilangan pekerja tertinggi iaitu 2,665,725 orang dengan sumbangan 26.6 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dengan 1,612,225 orang (sumbangan: 16.1%) dan Johor 1,264,942 orang (sumbangan: 12.6%).




Selaras dengan bilangan pekerja, Selangor mencatatkan gaji & upah tertinggi yang menyumbang 29.9 peratus kepada keseluruhan gaji & upah pada 2022, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan. Begitu juga, W.P. Kuala Lumpur merekodkan gaji & upah dengan RM76.2 bilion, dipengaruhi terutamanya oleh sektor Perkhidmatan (sumbangan: 88.1%) (**Paparan 17**).

**Paparan 17: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Negeri, 2022**

		 <b>Pertanian</b>	 <b>Perilangan &amp; penguarian</b>	 <b>Pembuatan</b>	 <b>Pembinaan</b>	 <b>Perkhidmatan</b>	 <b>Keseluruhan sektor</b>
 <b>MALAYSIA</b>		518,130	65,647	2,346,253	1,242,412	5,831,864	10,004,306
		9,480	7,395	97,219	36,426	204,415	354,935
		1,827	9,422	3,513	2,536	3,494	3,332
 <b>Johor</b>		62,019	4,431	483,010	160,253	555,229	1,264,942
		1,295	161	18,027	4,468	15,726	39,677
		1,944	3,070	3,161	2,432	2,897	2,899
 <b>Kedah</b>		12,922	483	118,195	31,534	210,382	373,516
		221	14	4,646	842	4,359	10,081
		1,783	2,422	3,363	2,493	2,473	2,791
 <b>Kelantan</b>		11,058	1,963	19,349	17,350	152,645	202,365
		184	64	466	458	2,056	3,228
		1,554	2,759	2,252	2,577	1,975	2,056
 <b>Melaka</b>		9,540	477	99,891	23,564	159,349	292,821
		229	13	4,376	570	4,032	9,220
		2,115	2,316	3,708	2,278	2,850	3,116
 <b>Negeri Sembilan</b>		16,220	1,561	93,162	48,528	155,906	315,377
		297	47	4,483	1,194	3,635	9,656
		1,833	2,562	4,108	2,259	2,571	3,004
 <b>Pahang</b>		57,152	4,312	54,762	45,697	174,749	336,672
		916	143	2,270	1,269	3,856	8,455
		1,829	2,784	3,586	2,472	2,536	2,626

**Nota:**















































Tidak termasuk bilangan pekerja dan gaji & upah untuk Supra.

-  Bilangan pekerja (orang)
-  Gaji & Upah (RM juta)
-  Purata Gaji & Upah sebulan (RM)



# RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 17: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Negeri, 2022 (samb.)

						
	Pertanian	Perombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan	Keseluruhan sektor
	 42,132	5,105	147,337	66,714	316,975	<b>578,263</b>
Perak	 751	169	5,316	1,838	7,429	<b>15,504</b>
	 1,853	2,771	3,104	2,463	2,679	<b>2,721</b>
	 379	203	5,167	4,188	30,711	<b>40,648</b>
	 6	8	124	74	562	<b>775</b>
	 1,641	3,449	2,193	1,772	2,367	<b>2,266</b>
	 7,932	1,603	371,732	81,304	358,038	<b>820,609</b>
	 191	64	18,526	2,223	10,240	<b>31,245</b>
	 2,240	3,325	4,187	2,378	2,940	<b>3,493</b>
	 170,339	5,246	61,651	66,705	306,117	<b>610,058</b>
	 2,883	751	1,683	1,765	7,521	<b>14,603</b>
	 1,702	11,971	2,337	2,250	2,614	<b>2,379</b>
	 77,211	12,309	101,167	99,399	334,268	<b>624,354</b>
	 1,714	1,879	4,263	2,940	9,427	<b>20,223</b>
	 1,912	12,722	3,605	2,507	2,954	<b>3,068</b>
	 28,042	12,316	723,767	316,100	1,585,500	<b>2,665,725</b>
	 512	486	29,845	10,290	65,080	<b>106,212</b>
	 2,063	3,288	3,462	2,768	3,792	<b>3,553</b>
	 22,996	1,731	26,516	32,816	120,311	<b>204,370</b>
	 276	96	1,541	1,009	2,159	<b>5,081</b>
	 1,570	4,673	5,340	2,762	2,230	<b>2,795</b>
	 132*	4,599**	37,617	235,655	1,334,282	<b>1,612,225</b>
	 3*	510**	1,449	7,109	67,131	<b>76,200</b>
	 2,030*	9,238**	3,307	2,533	4,516	<b>4,195</b>
	 56	***	2,748	2,696	20,247	<b>25,799</b>
	 1	***	200	68	674	<b>944</b>
	 2,100	***	6,497	2,282	3,219	<b>3,485</b>
	 ***	-	182	9,909	17,155	<b>27,254</b>
	 ***	-	4	310	529	<b>842</b>
	 ***	-	2,228	2,623	3,276	<b>2,995</b>




**Nota:**

Tidak termasuk bilangan pekerja dan gaji & upah untuk Supra.

\* Termasuk W.P. Putrajaya

\*\* Termasuk W.P. Labuan

\*\*\* Statistik termasuk dalam W.P. Kuala Lumpur

 Bilangan pekerja (orang)  
 Gaji & Upah (RM juta)  
 Purata Gaji & Upah sebulan (RM)


# SUMMARY OF FINDINGS

## 1. INTRODUCTION

The world economy was marked by challenges and opportunities in 2022. While recovery from the COVID-19 pandemic continued in many parts across the globe, it was unevenly distributed with some regions experiencing rapid growth while others faced setbacks. The post-pandemic economic recovery proved less seamless than anticipated with the prevailing uncertainty further disrupting the trade supply chain. As a result, the global economy took significant time to bounce back, whilst widening the gap among the most affected groups namely low-income earners as well as small and medium-sized enterprise owners.

Moreover, the world grappled with geopolitical turmoil, particularly on Russia's invasion of Ukraine in February 2022. The tension escalated into a costly humanitarian crisis and disrupted the supply chain of numerous essential commodities, particularly impacting Brent crude oil prices. The price surged from its lowest price of USD9.12 per barrel in April 2020 to its peak of USD133.18 per barrel in March 2022 (**Chart 1**). As such, production costs surged across various economic sectors, affecting many countries, including Malaysia.

**Chart 1: Daily Brent Crude Oil Prices (USD per barrel), 2013 - 2022**




Source : U.S. Energy Information Administration

Other geopolitical tensions have strained the economic conditions in 2022. Trade disputes between the United States and China have pressured financial markets significantly. These circumstances have resulted in substantial volatility in stock markets and other financial instruments, amplifying uncertainty among investors and businesses, especially in developing countries.

# SUMMARY OF FINDINGS

Like other countries, Malaysia faced economic challenges during this period. In terms of economic growth, Malaysia's economy experienced a notable improvement of 8.9 per cent in 2022, compared to the previous year of 3.3 per cent, rebounding from a negative growth of 5.5 per cent in 2020 (Chart 2). Comparing the 2022 economic condition with the economic recession in 2009 due to the global financial crisis, Malaysia demonstrated a swifter recovery in 2010, achieving a growth rate of 7.4 per cent following negative growth of 1.5 per cent in 2009 (Chart 3).

**Chart 2: Annual Growth Rate of Malaysia's GDP 2016-2023 (2015=100)**



Source: Department of Statistics, Malaysia


**Chart 3: Annual Growth Rate of Malaysia's GDP 2006-2014 (2005=100)**



Source: Department of Statistics, Malaysia

Looking at the currency performance over two decades, it is evident that the Malaysian Ringgit experienced significant depreciation in 2022 as compared to 2009. Global economic conditions were one of the factors that influence this depreciation. As against the pegging policy, which was implemented in 1999 due to the Asian Economic Crisis, the Ringgit posted RM3.80 in 1999 as opposed to RM4.40 per US Dollar in 2022, depreciating by 15.8 per cent as depicted in Chart 4.

**Chart 4: USD/RM Movement in 1999-2023**




Source: Bank Negara Malaysia

## SUMMARY OF FINDINGS

In line with the monetary policy, Government has realigned its Overnight Policy Rate (OPR) throughout the recovery period. The OPR, a pivotal interest rate set by Bank Negara Malaysia, influences overnight market interest rates. Malaysia experienced a significant decline in the OPR to its lowest rate in history, from 3.00 per cent prior to the pandemic to 1.75 per cent in just eight months (**Chart 5**). The measure was implemented to mitigate the economic impacts on businesses and households, aiming to bolster purchasing power and stimulate better economic activity. The OPR reduction significantly lowered borrowing costs for businesses and households.

**Chart 5: Overnight Policy Rate (OPR) Rate 2019-2023**



Source: Bank Negara Malaysia

In addition to realigning monetary policy, the Government has proactively formulated and implemented recovery measures. These efforts encompass providing financial assistance to affected groups, investing in infrastructure and enhancing human capital to alleviate unemployment and mitigate the impact on household income.


